

13 SEP 2003

Syed Hamid-OIC (Bergambar)/I

KEBANYAKAN PEMIMPIN OIC MENGESAHKAN KEHADIRAN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Kebanyakan ketua negara dan pemimpin kerajaan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah mengesahkan kehadiran pada Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya bulan depan, kta Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya, surat jemputan yang dihantar oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakan-rakan sejawatnya telah mendapat respons yang baik.

"Setakat ini, kita berpuas hati, surat dari Perdana Menteri kepada ketua kerajaan dan negara, kita dapat respons yang agak baik...Antara mereka yang akan hadir ialah Putera Abdullah dari Arab Saudi dan Presiden Senegal. Nampaknya kehadiran itu baik sekali," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen media Ekspo OIC 2003 di sini hari ini.

Syed Hamid berkata Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan juga turut mengesahkan kehadiran beliau.

Katanya, jika perlu, beliau akan berjumpa seberapa ramai yang boleh menteri-menteri luar negara OIC semasa persidangan agung PBB di New York bulan ini bagi menyampaikan lagi jemputan.

Syed Hamid berkata: "Kesemuanya telah mengesahkan kehadiran... Sebenarnya yang menjadi persoalan ialah untuk mendapatkan tahap yang baik. Jika kita mendapat lebih 50 peratus kehadiran, ia bermakna kejayaan," katanya.

Beliau berkata sambutan menggalakkan juga disebabkan Malaysia akan turut menganjurkan beberapa acara sampingan yang memberikan dimensi baru kepada sidang kemuncak OIC.

Kempen media yang dilancarkan itu bertujuan mempromosi ekspo perdagangan selama enam hari yang bermula 14 Okt ini sempena sidang berkenaan.

Pada majlis pelancaran itu, Syed Hamid turut menyaksikan penyerahan rasmi 67 buah kereta BMW 7 Series oleh BMW Malaysia Sdn Bhd dan Cartrade Sdn Bhd kepada kerajaan untuk kegunaan semasa persidangan itu.

Kenderaan mewah itu akan digunakan untuk membawa ketua-ketua negara dan pemimpin kerajaan yang menyertai persidangan itu.

Sila layari juga [WWW.bernama.com/oic](http://WWW.bernama.com/oic) summit.

-- BERNAMA

RBZ HK MOZ